



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1, Wisma Persekutuan
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000

Faks : 609-516 4931

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/2/2 Jld.2 (37)

Tarikh :

17 April 2024

SURAT PERINGATAN PERTAMA

**Senarai Edaran
(Seperti di Lampiran A)**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada para 4.5.1 Lampiran K: Garis Panduan Tatacara Penyelenggaraan Dan Semakan Laporan (**Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 5 tahun 2023**), PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan **Sijil Pengesahan baki di Lampiran K3** dan mengemukakan kepada AO selewat-lewatnya pada **14** haribulan bulan berikutnya.

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Vot sehingga bulan Mac 2024 seperti di **Lampiran A**. Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaan Sijil Pengesahan Baki Vot bagi jabatan-jabatan di bawah seliaan JANM Pahang sehingga **bulan Mac 2024**.

4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Vot yang berstatus **TH (Tidak Hantar) dan K (Kuri)**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan pegawai berikut:


- | | | |
|------|--|--------------|
| i) | Puan Ros Lianatrah binti Aman Tubillah | (09-5915021) |
| ii) | Puan Nurulhuda Binti Mohd Johari | (09-5915021) |
| iii) | Puan Zilanurida Binti Hasan @ Shafie | (09-5915026) |

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

"Memperkasakan Budaya Inovasi Digital"

Saya yang menjalankan amanah,


(FREDRICK GUPONG AK TAWAN C.A.(M), ACMA, CGMA)
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Pahang